



27 April 2022
27 April 2022
P.U. (A) 141

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA (SPEKTRUM) (PINDAAN) 2022

*COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA (SPECTRUM)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998
PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(SPEKTRUM) (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan 158 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) (Pindaan) 2022**.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000 [*P.U. (A) 128/2000*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan menggantikan takrif “gangguan besar” dengan takrif yang berikut:

‘ “gangguan besar” ertinya gangguan elektromagnetik—

(a) yang menjadikan apa-apa radas atau perkhidmatan tidak sesuai bagi maksudnya; atau

(b) yang merendahkan atau menghalang, atau berulang kali mengganggu, perkhidmatan radiokomunikasi yang dikendalikan mengikut Peraturan-Peraturan ini;’

(b) dengan menggantikan takrif “kawasan geografi” dengan takrif yang berikut:

‘ “kawasan geografi” ertinya mana-mana kawasan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;’

- (c) dalam takrif “lalu perambatan radiokomunikasi”, dengan menggantikan perkataan “penghubung poin ke poin” dengan perkataan “penghubung titik ke titik atau penghubung titik ke pelbagai titik”;
- (d) dalam takrif “pemegang penguntukan spektrum”, dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 159 Akta” perkataan “atau dikeluarkan semula suatu penguntukan spektrum di bawah seksyen 161 Akta”; dan
- (e) dalam takrif “rancangan pemasaran”, dengan memotong perkataan “dan membentuk sebahagian daripada rancangan spektrum”.

Pindaan peraturan 5

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “rancangan penukaran” perkataan “atau kedua-keduanya”.

Pindaan peraturan 7

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Suruhanjaya boleh mengubah suai atau mengubah rancangan penukaran sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan peraturan 8

5. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Suruhanjaya boleh mengubah suai atau mengubah pakej maklumat pemohon sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan peraturan 10

6. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dalam penguntukan” dengan perkataan “oleh Suruhanjaya secara bertulis”; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “secara yang bermanfaat” dengan perkataan “secara efisien dan bermanfaat”.

Pindaan peraturan 12

7. Perenggan 12(1)(d) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “yang berhubungan dengan penguntukan”.

Pindaan peraturan 13

8. Subperaturan 13(6) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga puluh hari” dengan perkataan “sembilan puluh hari”.

Peraturan baharu 13A

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 13 peraturan yang berikut:

“Kuasa untuk mengubah penguntukan

13A. (1) Walau apa pun peraturan 13, Suruhanjaya boleh mengubah suatu penguntukan yang dikeluarkan di bawah peraturan 9.

(2) Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan suatu notis bertulis kepada pemegang penguntukan itu tentang niat untuk mengubah penguntukan itu.

(3) Suruhanjaya boleh menghendaki pemegang penguntukan untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang disebut dalam subperaturan (2).

(4) Suruhanjaya hendaklah memutuskan sama ada untuk mengubah penguntukan itu atau selainnya—

(a) selepas menimbangkan representasi bertulis yang dibuat oleh pemegang penguntukan di bawah subperaturan (3); atau

(b) selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu jika tiada representasi bertulis dibuat oleh pemegang penguntukan di bawah subperaturan (3).

(5) Suruhanjaya hendaklah memberitahu pemegang penguntukan itu keputusannya di bawah subperaturan (4).

(6) Jika Suruhanjaya membuat keputusan untuk mengubah penguntukan di bawah subperaturan (4), Suruhanjaya hendaklah—

(a) memberikan suatu salinan penguntukan yang telah diubah itu kepada pemegang penguntukan; dan

(b) menyemak semula fi yang dinyatakan masing-masing di bawah peraturan 16 atau peraturan 23, jika perlu.

(7) Pengubahan kepada penguntukan itu hendaklah mula berkuat kuasa empat belas hari dari tarikh pemberitahuan di bawah subperaturan (5).

(8) Dalam peraturan ini, apa-apa pengubahan kepada penguntukan hendaklah termasuk pemisahan atau perangkuman spektrum.”.

Pindaan peraturan 21

10. Peraturan 21 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Jika pemohon tidak memberikan maklumat lanjut atau dokumen yang diminta oleh Suruhanjaya di bawah subperaturan (3), permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tanpa menjejaskan hak pemohon untuk membuat suatu permohonan baharu.”.

Pindaan peraturan 25

11. Subperaturan 25(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “, tidak kurang daripada enam puluh hari” dengan perkataan “tidak kurang daripada sembilan puluh hari”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “, melainkan jika dipersetujui selainnya oleh Suruhanjaya”.

Peraturan baharu 43A

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 43 peraturan yang berikut:

“Penggantian penguntukan

43A. (1) Jika suatu penguntukan hilang atau rosak, pemegang penguntukan boleh memohon kepada Suruhanjaya secara bertulis untuk mendapatkan suatu salinan penggantian penguntukan.

(2) Suatu permohonan bagi penggantian penguntukan hendaklah disertakan dengan fi permohonan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Suruhanjaya boleh mengeluarkan suatu salinan penggantian penguntukan—

- (a) apabila suatu laporan polis atau akuan berkanun dikemukakan oleh pemegang penguntukan bahawa salinan asal penguntukan itu telah hilang; atau
- (b) apabila penguntukan asal yang rosak itu diserahkan balik.”.

Pindaan Jadual Pertama

13. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam Susunan A—

- (i) dengan menggantikan kepala ruang “*Bentuk Perkhidmatan menurut Rancangan Spektrum*” dengan kepala ruang “*Bentuk Perkhidmatan*”; dan
- (ii) dalam ruang *Bentuk Perkhidmatan* berhubung dengan butiran AMATUR, dengan memasukkan selepas butir-butir “Stesen Amatur (Kelas B)” butir-butir yang berikut:

<i>Bentuk Perkhidmatan</i>	<i>Jenis Radas</i>	<i>Fi Tahunan (RM)</i>
AMATUR	“Stesen Amatur (Kelas C)	12.00”; dan

- (b) dalam Susunan B, dalam subperenggan 1(c), dengan menggantikan perkataan “tiga bulan” dengan perkataan “satu bulan”.

Pindaan Jadual Kedua

14. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dan 43” yang terdapat di bawah tajuk Jadual Kedua dengan perkataan “, 43 dan 43A”;

- (b) dalam ruang *Perkara* berhubung dengan butiran Permohonan bagi salinan penguntukan yang diperakui benar, dengan menggantikan butir-butir “RM10.00 setiap muka surat” dengan butir-butir yang berikut:

Perkara

Fi

Permohonan bagi salinan penguntukan “RM10.00 setiap permohonan”; dan yang diperakui benar

- (c) dengan memasukkan selepas butiran “Permohonan bagi salinan atau mengambil cabutan daripada daftar penguntukan” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

Perkara

Fi

“Permohonan bagi salinan penggantian penguntukan RM10.00 setiap permohonan”.

Kecualian

15. Apa-apa permohonan yang belum selesai di bawah Peraturan-Peraturan ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diteruskan di bawah Peraturan-Peraturan ibu seolah-olah Peraturan-Peraturan ibu tidak dipinda.

Dibuat 25 April 2022

[KKMM.600-1/4/8; PN(PU2)601/Jld. 12]

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
Menteri Komunikasi dan Multimedia

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA ACT 1998

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA (SPECTRUM) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by sections 16 and 158 of the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Communications and Multimedia (Spectrum) (Amendment) Regulations 2022**.

Amendment of regulation 2

2. The Communications and Multimedia (Spectrum) Regulations 2000 [P.U. (A) 128/2000], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by substituting for the definition of “major interference” the following definition:

‘ “major interference” means electromagnetic interference—

(a) rendering any apparatus or services unsuitable for its purpose; or

(b) which degrades or obstructs, or repeatedly interrupts, a radiocommunications service operating in accordance with these Regulations;’

(b) by substituting for the definition of “geographic area” the following definition:

‘ “geographic area” means any area as determined by the Commission;’;

(c) in the definition of “radiocommunications propagation path”, by substituting for the words “point-to-point link” the words “point-to-point link or point-to-multipoint link”;

(d) in the definition of “spectrum assignment holder”, by inserting after the words “section 159 of the Act” the words “or reissued with a spectrum assignment under section 161 of the Act”; and

(e) in the definition of “marketing plan”, by deleting the words “and forms part of the spectrum plan”.

Amendment of regulation 5

3. Regulation 5 of the principal Regulations is amended by inserting after the words “conversion plan” the words “or both”.

Amendment of regulation 7

4. Regulation 7 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) The Commission may modify or vary the conversion plan as the Commission thinks fit.”.

Amendment of regulation 8

5. Regulation 8 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(2A) The Commission may modify or vary the applicant information package as the Commission thinks fit.”.

Amendment of regulation 10

6. Regulation 10 of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (b), by substituting for the words “in the assignment” the words “by the Commission in writing”; and

(b) in paragraph (c), by substituting for the word “beneficially” the words “efficiently and beneficially”.

Amendment of regulation 12

7. Paragraph 12(1)(d) of the principal Regulations is amended by deleting the words “in relation to the assignment”.

Amendment of regulation 13

8. Subregulation 13(6) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “thirty days” the words “ninety days”.

New regulation 13A

9. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 13 the following regulation:

“Power to vary assignment

13A. (1) Notwithstanding regulation 13, the Commission may vary an assignment issued under regulation 9.

(2) The Commission shall issue a written notice to the assignment holder of the intention to vary the assignment.

(3) The Commission may require the assignment holder to make a written representation within the period specified in the written notice referred to in subregulation (2).

(4) The Commission shall decide whether to vary the assignment or otherwise—

(a) after considering the written representation made by the assignment holder under subregulation (3); or

(b) after the expiry of the period specified in the written notice if no written representation made by the assignment holder under subregulation (3).

(5) The Commission shall notify the assignment holder of its decision under subregulation (4).

(6) Where the Commission makes a decision to vary the assignment under subregulation (4), the Commission shall—

(a) give a copy of the assignment which has been varied to the assignment holder; and

(b) revise the fees specified under regulation 16 or regulation 23 respectively, if necessary.

(7) The variation to the assignment shall take effect fourteen days from the date of the notification under subregulation (5).

(8) In this regulation, any variation to the assignment shall include splitting or aggregating the spectrum.”.

Amendment of regulation 21

10. Regulation 21 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(3A) Where the applicant fails to provide further information or document requested by the Commission under subregulation (3), the application shall be deemed to have been withdrawn and shall not be proceeded with, but without affecting the right of the applicant to make a fresh application.”.

Amendment of regulation 25

11. Subregulation 25(2) of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the words “, not less than sixty days” the words “not less than ninety days”; and

(b) by deleting the words “, except where otherwise agreed by the Commission”.

New regulation 43A

12. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 43 the following regulation:

“Replacement of assignment

43A. (1) Where an assignment is lost or defaced, the assignment holder may apply to the Commission in writing to obtain a copy of replacement of the assignment.

(2) An application for replacement of assignment shall be accompanied by an application fee as prescribed in the Second Schedule.

(3) The Commission may issue a copy of replacement of the assignment—

(a) on production of a police report or statutory declaration by the assignment holder that the original assignment has been lost; or

(b) upon surrender of the defaced original assignment.”.

Amendment of First Schedule

13. The First Schedule to the principal Regulations is amended—

(a) in Table A—

- (i) by substituting for heading of column “*Nature of Service as Per Spectrum Plan*” the heading of column “*Nature of Service*”; and
- (ii) in column *Nature of Service* in relation to item AMATEUR, by inserting after particulars “Amateur Station (Class B)” the following particulars:

<i>Nature of Service</i>	<i>Type of Apparatus</i>	<i>Annual Fees</i> (RM)
AMATEUR	“Amateur Station (Class C)	12.00”; and

(b) in Table B, in subparagraph 1(c), by substituting for the words “three months” the words “one month”.

Amendment of Second Schedule

14. The Second Schedule to the principal Regulations is amended—

- (a) by substituting for the words “and 43” appearing under the title Second Schedule the words “, 43 and 43A”;
- (b) in column *Matter* in relation to item Application for a certified true copy of an assignment, by substituting for particulars “RM10.00 per page” the following particulars:

<i>Matter</i>	<i>Fee</i>
Application for a certified true copy of an assignment	“RM10.00 per application”; and

- (c) by inserting after item “Application for a copy or taking extracts from the register of an assignment” and the particulars relating to it the following item and particulars:

<i>Matter</i>	<i>Fee</i>
“Application for a copy of replacement of an assignment	RM10.00 per application”.

Saving

15. Any application pending under the principal Regulations immediately before the date of coming into operation of these Regulations shall, on the date of coming into operation of these Regulations, be continued under the principal Regulations as if the principal Regulations had not been amended.

Made 25 April 2022
[KKMM.600-1/4/8; PN(PU2)601/Jld. 12]

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
Minister of Communications and Multimedia